



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 2 TAHUN 2015**

---

**TINDAKAN SEGERA YANG PERLU DIAMBIL OLEH PENGENDALI BAS EKSPRES, CATAR DAN PERSIARAN APABILA KENDERAAN DIPANDU MELEBIHI HAD LAJU**

**TARIKH: 27 FEBRUARI 2015**

## **1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan tindakan segera yang perlu diambil oleh semua pengendali berlesen bas ekspres dan bas catar, serta pemegang lesen bas persiaran (“Pengendali Bas dan Pemegang Lesen”) apabila kenderaan perkhidmatan awam kelas bas ekspres dan kelas bas catar dan kenderaan pelancongan kelas bas persiaran (“Kenderaan”) tersebut dipandu melebihi had laju

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pengendali Bas dan Pemegang Lesen diwajibkan untuk melengkapkan Kenderaan dengan GPS dan sentiasa memantau perjalanan Kenderaan seperti yang telah dinyatakan di dalam Pekeliling Bil 6. Tahun 2013 (Pelaksanaan Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan untuk Pengendali Bas) dan Buku Panduan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan untuk Pengendali Bas.
- 2.2 Bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan, Pengendali Bas dan Pemegang Lesen perlu mengambil tindakan serta-merta apabila mendapat aduan mengenai Kenderaan yang dipandu melebihi had laju bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

### **3. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

- 3.1** Terdapat tiga (3) cara bagi Pengendali Bas dan Pemegang Lesen mendapat maklum balas berhubung insiden Kenderaan yang dipandu melebihi had laju, iaitu dengan:
  - a) Menerima aduan daripada S.P.A.D;
  - b) Menerima aduan daripada penumpang atau orang awam; atau
  - c) Mengesan Kenderaan dipandu melebihi had laju melalui pusat kawalan GPS.
- 3.2** Apabila menerima aduan atau mengesan Kenderaan yang dipandu melebihi had laju, Pengendali Bas dan Pemegang Lesen perlulah menghubungi pemandu Kenderaan tersebut dengan serta-merta dan mengarahkan agar Kenderaan diperlahangkan kepada kelajuan yang dibenarkan.
- 3.3** Pengendali Bas dan Pemegang Lesen hendaklah menghubungi semula pengadu dan S.P.A.D. bagi memaklumkan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengatasi insiden.
- 3.4** Pengendali Bas dan Pemegang Lesen diwajibkan untuk menyimpan semua rekod percubaan untuk menghubungi pemandu Kenderaan di dalam catatan insiden. Catatan insiden dan laporan GPS wajib diserahkan kepada S.P.A.D. melalui emel ke [spadgps@spad.gov.my](mailto:spadgps@spad.gov.my) dalam tempoh 24 jam selepas

menerima aduan atau mengesan Kenderaan dipandu melebihi had laju.

3.5 Pengendali Bas dan Pemegang Lesen juga diwajibkan untuk mengemukakan kepada S.P.A.D:

- a) Nombor talian aduan Pengendali Bas dan Pemegang Lesen;
- b) Nombor telefon bimbit Ketua Pegawai Eksekutif, ketua bahagian operasi atau mana-mana ahli pengurusan kanan Pengendali Bas dan Pemegang Lesen;
- c) Alamat emel; dan
- d) Nombor faks.

Pengendali Bas dan Pemegang Lesen bertanggungjawab memaklumkan kepada S.P.A.D. dalam tempoh lima (5) hari bekerja jika terdapat sebarang perubahan pada mana-mana maklumat yang dinyatakan di atas.

Kesemua maklumat di atas perlulah dihantar kepada S.P.A.D. samada melalui emel ke bas@spad.gov.my atau surat ke alamat Block D, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

3.6 Kesemua perkara 3.2 hingga 3.5 di atas dijadikan syarat lesen Pengendali Bas dan Pemegang Lesen.

#### **4. KETIDAKPATUHAN**

Pengendali Bas dan Pemegang Lesen yang gagal mematuhi mana-mana syarat lesen pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam atau pemegang lesen kenderaan pelancongan boleh dikenakan tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

#### **5. TARIKH KUATKUASA PEKELILING**

Pekeling ini berkuat kuasa mulai 27 April 2015.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

s.k. Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan

Ketua Pegawai Eksekutif, PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Semua Persatuan Bas Ekspres Semenanjung Malaysia